



Personal Sentinel V3 Takaful

Perlindungan Penting Demi Keselamatan Anda





Personal Sentinel V3 Takaful

Hidup ini sukar untuk diduga. Walaupun anda merasakan telah membuat perancangan rapi dan telah bersedia untuk menghadapi segala situasi, tetapi adakah anda benar-benar bersedia?

Hakikatnya hanya satu perkara yang pasti. Anda memerlukan **Personal Sentinel V3 Takaful**. Dengan gaya hidup yang kian sibuk, anda memerlukan perlindungan tanpa kerumitan yang dapat memberikan ketenangan fikiran yang anda harapkan.

Dengan manfaat dan perlindungan unggul, **Personal Sentinel V3 Takaful** membolehkan anda menjalani kehidupan mengikut keperluan anda. Fikiran anda lebih tenang kerana anda tahu bahawa kami sentiasa berada di sisi anda, melindungi insan yang tersayang setiap masa. Dengan ini anda boleh menikmati kehidupan anda sepenuhnya!

Takdir... adakah ia ketentuan atau boleh diubah?

Nasib... adakah ia tentang peluang atau tentang pilihan?

Jika anda mempunyai peluang untuk melindungi keluarga dan menjamin masa depan mereka, adakah anda akan berbuat demikian?

Sudahkah anda mendapatkan perlindungan bagi insan yang tersayang? Sudahkah anda melindungi diri sendiri?

Adakah perlindungan anda mencukupi?

Fikir, Kemudian... ANDA TENTUKAN!!

Keterangan Manfaat

1. Kematian Akibat Kemalangan

Manfaat ini membayar Jumlah Perlindungan Asas sekiranya berlaku kematian akibat kemalangan

2. Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan

Sekiranya berlaku hilang upaya kekal akibat kemalangan, manfaat ini membayar Jumlah Perlindungan Asas atau peratusan yang ditentukan di Jadual Manfaat.

3. Indemniti Berganda

Sekiranya berlaku kejadian seperti berikut, Jumlah Perlindungan Asas akan digandakan.

- Kematian akibat kemalangan semasa menaiki pengangkutan awam sebagai penumpang yang membayar tambang.
- Kematian akibat kemalangan semasa menaiki kenderaan Grab dan perkhidmatan kereta e-hailing sebagai penumpang yang membayar tambang.
- Lumpuh seluruh badan atau quadriplegia akibat kemalangan.
- Kematian akibat kebakaran di kediaman kepunyaan Orang Yang Dilindungi (kediaman yang telah didiami oleh Orang Yang Dilindungi secara tetap melebihi 1 tahun).

4. Perbelanjaan Perubatan Akibat Kemalangan

Manfaat ini akan membayar balik kepada Orang Yang Dilindungi sebarang perbelanjaan perubatan bagi rawatan kecederaan ini akibat kemalangan yang berlaku dalam tempoh 12 bulan dari tarikh kemalangan, termasuk kos wad hospital, rawatan klinikal, rawatan pesakit luar, kos pembedahan dan yang berikutnya:

- Kemasukan hospital tanpa tunai, sehingga jumlah maksimum yang dinyatakan dalam Jadual Sijil bagi setiap kemalangan.
- Bayaran balik kos rawatan tradisional selepas keluar dari hospital sebanyak RM50 bagi setiap kunjungan sehingga jumlah maksimum yang dinyatakan dalam Jadual Sijil.
- Bayaran balik kos laporan perubatan dan bedah siasat sehingga RM150.
- Yuran ambulans RM500 apabila berlaku kemalangan.
- Bayaran balik kos kemasukan hospital bagi rawatan akibat Malaria, Demam Denggi atau Penyakit JE (Japanese Encephalitis).

5. Manfaat Mingguan (pilihan)

Membayar manfaat tunai berdasarkan jumlah Perlindungan mingguan yang dipilih, sehingga tempoh 52 minggu, sekiranya Orang Yang Dilindungi tidak dapat bekerja akibat Hilang Upaya Keseluruhan Sementara atau Hilang Upaya Sebahagian Sementara disebabkan kecederaan akibat kemalangan.

6. Manfaat Pendapatan Hospital Harian

Jumlah pendapatan hospital harian dibayar sehingga maksima 120 hari sekiranya Orang Yang Dilindungi dimasukkan ke hospital sebagai pesakit berdaftar untuk rawatan kemalangan.

7. Kematian akibat Zika atau Chikungunya

Sekiranya Orang Yang Dilindungi meninggal dunia akibat Zika atau Chikungunya, 10% daripada Jumlah Perlindungan Asas akan dibayar.

8. Kematian akibat Demam Denggi, Malaria atau Penyakit JE (Japanese Encephalitis)

Sekiranya Orang yang Dilindungi meninggal dunia akibat Demam Denggi, Malaria atau Penyakit JE (Japanese Encephalitis), 10% daripada Jumlah Perlindungan Asas akan dibayar.

9. Bayaran Tunai Kecemasan

Membayar RM5,000 sekiranya berlaku kematian akibat kemalangan.

10. Prostesis/Kerusi Roda – Hilang Upaya Menyeluruh Kekal

Perbelanjaan sebenar yang ditanggung bagi pembelian kerusi roda, anggota tangan atau kaki palsu atau tongkat seperti yang disyorkan oleh Pakar Perubatan yang merawat sehingga RM2,500.

11. Prostesis/Kerusi Roda – Hilang Upaya Sebahagian

Kos sebenar yang ditanggung bagi pembelian kerusi roda, anggota tangan atau kaki palsu atau tongkat seperti yang disyorkan oleh Pakar Perubatan yang merawat sehingga RM250.

12. Rawatan Pergigian atau Pembedahan Kosmetik

Kos sebenar yang ditanggung bagi rawatan pergigian atau pembedahan kosmetik sehingga RM5,000.

13. Manfaat Penculikan

Membayar jumlah sekali gus RM5,000 atau perbelanjaan yang perlu ditanggung termasuk melantik penyiasat persendirian. Manfaat ini juga menawarkan ganjaran RM25,000 untuk maklumat yang menemukan Orang Yang Dilindungi. Jumlah Perlindungan Asas akan dibayar sepenuhnya jika Orang Yang Dilindungi tidak ditemui selepas tempoh satu tahun dari tarikh penculikan.

14. Pemindahan Darah

Sekiranya Orang Yang Dilindungi dijangkiti HIV disebabkan oleh pemindahan darah, 10% daripada Jumlah Perlindungan Asas perlu dibayar.

15. Kemandulan atau Ketidaksuburan Kekal

Membayar sehingga 10% daripada Jumlah Perlindungan Asas bagi Kemandulan atau ketidaksuburan kekal akibat kemalangan.

16. Liabiliti Peribadi

Kami akan membayar ganti rugi kepada Orang Yang Dilindungi sehingga jumlah yang dinyatakan dalam Jadual Sijil berhubung dengan kecederaan badan akibat kemalangan kepada pihak ketiga atau kerosakan akibat kemalangan kepada harta benda pihak ketiga. Had kawasan manfaat ini hanyalah di dalam Malaysia sahaja.

17. Bonus Pembaharuan

Selepas pembaharuan sijil, Jumlah Perlindungan Asas akan ditambah sebanyak 15% setahun sehingga maksima 150% bagi Kematian Akibat Kemalangan, Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan dan Indemniti Berganda.

Manfaat

Manfaat	Keterangan	Pelan 1 (RM)	Pelan 2 (RM)	Pelan 3 (RM)	Pelan 4 (RM)	Pelan 5 (RM)	Pelan 6 (RM)	Pelan 7 (RM)
A	Kematian Akibat Kemalangan	50,000	100,000	200,000	300,000	500,000	750,000	1,000,000
B	Hilang Upaya Kekal Akibat Kemalangan	50,000	100,000	200,000	300,000	500,000	750,000	1,000,000
C	Indemniti Berganda • Kematian semasa menaiki pengangkutan awam • Kematian semasa menaiki kenderaan Grab dan perkhidmatan e-hailing • Lumpuh seluruh badan atau Kuadriplegia • Kematian akibat kebakaran di kediaman sendiri	50,000	100,000	200,000	300,000	500,000	750,000	1,000,000
D	Perbelanjaan Perubatan Akibat Kemalangan	5,000	6,000	6,500	7,500	10,000	12,000	15,000
D1	• Kos Laporan Perubatan dan Bedah Siasat				150			
D2	• Rawatan Tradisional				50 setiap kunjungan, sehingga maksimum 500			50 setiap kunjungan, sehingga maksimum 1,000
D3	• Demam Denggi, Malaria atau Penyakit JE (Japanese Encephalitis)	5,000	6,000	6,500	7,500	10,000	12,000	15,000
D4	• Yuran Ambulans				500			
D5	• Kemasukan Hospital Tanpa Tunai	5,000	6,000	6,500	7,500	10,000	12,000	15,000
E	Manfaat Mingguan (pilihan)							
E1	• Hilang Upaya Menyeluruh Sementara	50	100	120	150	250	350	500
E2	• Hilang Upaya Sebahagian Sementara	25	50	60	75	125	175	250
F	Manfaat Pendapatan Hospital Harian	90	90	90	120	180	200	250
G	Kematian akibat Zika atau Chikungunya				10% daripada Jumlah Perlindungan Asas			
H	Kematian akibat Demam Denggi, Malaria atau Penyakit JE (Japanese Encephalitis)				10% daripada Jumlah Perlindungan Asas			
I	Bayaran Tunai Kecemasan				5,000			
J	Prostesis/Kerusi Roda – Hilang Upaya Menyeluruh Kekal				2,500			
K	Prostesis/Kerusi Roda – Hilang Upaya Sebahagian				250			
L	Rawatan Pergigian atau Pembedahan Kosmetik				5,000			
M	Manfaat Penculikan				5,000 untuk perbelanjaan dan 25,000 sebagai ganjaran			
N	Pemindahan Darah				10% daripada Jumlah Perlindungan Asas			
O	Kemandulan atau Ketidaksuburan Kekal				10% daripada Jumlah Perlindungan Asas			
P	Liabiliti Peribadi				2 kali Jumlah Perlindungan Asas			
Q	Bonus Pembaharuan				15% setahun atas Jumlah Perlindungan Asas, sehingga maksimum 150%			
R	Program Rujukan Bantuan Kecemasan				Sehingga USD1,000,000			

Nota:

- Sila rujuk kepada Kontrak Sijil Takaful untuk keterangan manfaat di bawah sijil ini.
- Tempoh perlindungan ialah satu tahun. Anda perlu memperbaharui perlindungan Takaful anda setiap tahun.
- Jumlah keseluruhan yang perlu dibayar untuk manfaat D1 hingga D5 tidak akan melebihi had manfaat D.

Jadual Sumbangan

Sumbangan (dengan Manfaat Mingguan) (RM)							
Pelan	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4	Pelan 5	Pelan 6	Pelan 7
Kelas 1 & 2	169	278	433	557	859	1,175	1,567
Kelas 3	285	470	731	945			
Sumbangan (tanpa Manfaat Mingguan) (RM)							
Kelas 1 & 2	143	225	354	462	728	992	1,305
Kelas 3	239	377	593	777			

Nota: Sumbangan di atas termasuk Yuran Organisasi Penjagaan Terurus (MCO), tetapi tidak termasuk Cukai (yang mana berkenaan) dan Duti Setem sebanyak RM10.

Perlindungan Tambahan

1. Semasa menggunakan sebarang kaedah perjalanan

- Menunggang Motosikal
- Kehilangan - Orang Yang Dilindungi hilang dan jasad tidak dijumpai

2. Semasa terlibat dalam sukan atau hobi

- Semua sukan amatur (kecuali seni mempertahankan diri dan bertinju)
- Mendaki gunung (kecuali dengan penggunaan tali atau pemandu gunung)
- Sukan air termasuk lumba layar dan luncur air
- Bermain polo
- Menyelam skuba (sehingga kedalaman 50 meter)
- Terjun bungee
- Memburu

3. Kemalangan akibat kejadian alam

- Bencana alam termasuk La Nina, El Nino, banjir dan gempa bumi
- Pendedahan kepada unsur semula jadi
- Gigitan ular, gigitan binatang berbahaya dan gigitan serangga

4. Perlindungan tambahan yang lain

- Mogok, rusuhan dan kekacauan awam
- Pembunuhan dan serangan (tanpa provokasi)
- Mati lemas
- Kelemasan akibat asap atau gas beracun
- Keracunan makanan dan minuman
- Keracunan ubat (ubat mesti diberikan menerusi preskripsi oleh pengamal perubatan berdaftar)
- Demam Denggi, Penyakit JE (Japanese Encephalitis) dan Malaria
- HIV melalui pemindahan darah

Klasifikasi Pekerjaan

Kelas 1: Orang yang menjalankan kerja pentadbiran, pengurusan, kerani dan kerja bukan manual

Kelas 2: Orang yang menjalankan kerja penyeliaan tetapi tidak terlibat dalam kerja buruh

Kelas 3: Orang yang menjalankan kerja manual, sama ada secara sambilan atau secara tetap,
yang membabitkan penggunaan alat atau jentera

Pekerjaan Dikecualikan

Kelas 4: Pekerjaan yang termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut:

Penyelam, Polis, Askar/Tentera dan Pegawai Penguatkuasa Undang-Undang, Penguji Pesawat, Juruterbang dan Kru Penerbangan, Kelasi dan Nelayan Laut, Pemandu Kereta Lumba, Joki, Pekerja Pelantar Minyak, Penggergaji Balak dan Pekerja Pembalakan, Ahli Bomba, Wartawan Perang, Tukang Menara, Pemunggah Kargo, Orang yang Terlibat dalam Pemusnahan Bangunan, Orang yang terlibat dalam Perkhidmatan Ambulans, Pakar Mesin Pertukangan Kayu, Pengendali Bahan Letupan, Membina Terowong dan Melombong Di Bawah Tanah dan Kegiatan Sukan Profesional.

Program Rujukan Bantuan Kecemasan

Hubungi talian khas 24 jam kami di **603-7956 1233** di seluruh dunia menerusi panggilan caj berbalik. Perkhidmatan yang disediakan adalah seperti berikut:-

1. Bantuan Perubatan Antarabangsa

Pemindahan keluar perubatan & nasihat perubatan kecemasan, penghantaran pulang atas sebab perubatan yang dikawal selia, penghantaran ubat penting yang tiada di dalam negara, penghantaran pulang jenazah, penghantaran pulang anak-anak di bawah tanggungan dan lain-lain.

2. Bantuan Perubatan Tempatan

Pemindahan keluar perubatan & nasihat perubatan kecemasan, penghantaran ubatan yang diperlukan yang tiada di dalam negara, dan penghantaran pulang atas sebab perubatan yang dikawal selia.

3. Bantuan Perjalanan

Menyediakan maklumat berhubung dengan visa, inoculasi, pasport atau keperluan imunisasi, maklumat tukaran asing, maklumat penerbangan, lokasi bagasi & barang peribadi yang hilang, rujukan kepada penterjemah dll. Perkhidmatan ini adalah untuk mengatur dan membuat rujukan sahaja, dan sebarang kos berkeraaan akan ditanggung oleh pemegang sijil.

Nota Penting:

Semua sumbangan dan yuran yang tertera dalam dokumen ini mungkin tertakluk kepada cukai atau levi kerajaan yang lain.

Risalah ini hanya untuk maklumat umum dan bukan kontrak Takaful. Sila rujuk kepada Lampiran Penerangan Produk dan Sijil Takaful untuk terma dan syarat penuh sebelum anda menyertai. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan, kekaburuan dan konflik dalam interpretasi terma dan syarat di antara versi terjemahan, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.

Jadual Manfaat untuk Hilang Upaya Kekal

Keterangan Hilang Upaya	Peratusan Jumlah Dilingdungi (%)
Hilang anggota (dua anggota)	100%
Hilang kedua-dua belah tangan, atau kesemua jari dan kedua-dua belah ibu jari	100%
Kecederaan yang mengakibatkan terlantar di katil	100%
Hilang Kewarasan sepenuhnya	100%
Sebarang kecederaan lain yang menyebabkan kehilangan upaya menyeluruh dan kekal	100%
Hilang lengan di paras bahu	100%
Hilang lengan antara paras bahu dan siku	100%
Hilang lengan di paras siku	100%
Hilang lengan antara siku dan pergelangan tangan	100%
Hilang tangan di paras pergelangan tangan	100%
Hilang kaki	<ul style="list-style-type: none"> - di paras pinggul - antara lutut dan pinggul - di bawah lutut
Hilang mata	<ul style="list-style-type: none"> - seluruh mata - penglihatan - spenglihatan, kecuali bayangan cahaya - kanta
Hilang empat (4) jari dan satu (1) ibu jari sebelah tangan	55%
Hilang empat (4) jari	45%
Hilang ibu jari	<ul style="list-style-type: none"> - kedua-dua ruas - satu (1) ruas
Hilang jari telunjuk	<ul style="list-style-type: none"> - tiga (3) ruas - dua (2) ruas - satu (1) ruas
Hilang jari hantu	<ul style="list-style-type: none"> - tiga (3) ruas - dua (2) ruas - satu (1) ruas
Hilang jari manis	<ul style="list-style-type: none"> - tiga (3) ruas - dua (2) ruas - satu (1) ruas

Hilang jari kelengkeng	- tiga (3) ruas - dua (2) ruas - satu (1) ruas	7% 6% 5%
Hilang metakarpus	- pertama atau kedua (tambahan) - ketiga, keempat atau kelima (tambahan)	6% 5%
Hilang jari kaki	- semua ruas - ibu jari, kedua-dua ruas - ibu jari, satu (1) ruas - selain ibu jari, jika lebih daripada satu (1) jari setiap satu	25% 10% 5% 4%
Hilang pendengaran	- kedua-dua belah telinga - sebelah telinga	80% 30%
Hilang Pertuturan		60%
Kependekan lengan	- melebihi 1 " sehingga 2 " - melebihi 2 " sehingga 4 " - melebihi 4 "	5% 8% 15%
Kependekan kaki	- melebihi 1 " sehingga 2 " - melebihi 2 " sehingga 4 " - melebihi 4 "	8% 15% 30%

Soalan Lazim:

S: Siapa yang layak memohon?

J: Seseorang yang berusia 18 tahun dan ke atas layak untuk memohon. Usia kelayakan bagi Orang Yang Dilindungi adalah dari 30 hari hingga umur 65 tahun, dan boleh diperbaharui sehingga umur 80 tahun. Seseorang yang tidak bekerja, pelajar, suri rumah dan Orang Yang Dilindungi di bawah 16 tahun hanya layak memohon sehingga Pelan 3 tanpa manfaat indemnititi mingguan.

S: Apakah Jumlah Perlindungan Asas maksimum?

J: Tiada jumlah perlindungan asas maksimum yang ditetapkan. Bagaimanapun, semua permohonan takaful Kemalangan Diri dengan jumlah perlindungan keseluruhan RM1,000,000 dan ke atas bagi setiap hayat disyaratkan untuk mengisi dan mengemukakan borang Soal Selidik Kewangan Jumlah Besar (LAFQ). Penerimaan tertakluk kepada kelulusan pengauditan.

S: Adakah terdapat sebarang pengecualian?

J: Ya. Termasuk tetapi tidak terhad seperti berikut: - Perperangan, Perperangan Saudara, AIDS dan Penyakit, kelahiran Anak, Keguguran, Pembunuhan atau Serangan disebabkan Ancaman, Mengembala sebagai Krew Penerbangan, Aktiviti Udara, Seni Mempertahankan Diri, Perlumbaan, Radiasi, Bahan Senjata Nuklear.

Zurich General Takaful Malaysia Berhad (1260157-U)
Tingkat 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City,
59200 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: 03-2109 6000 Faks: 03-2109 6888 Pusat Panggilan: 1-300-888-622
www.zurich.com.my



  The trademarks depicted are registered in the name of
Zurich Insurance Company Ltd in many jurisdictions worldwide